



SIARAN MEDIA

20 KOMUNITI PPR DIBANTU DENGAN INOVASI MELALUI PROGRAM NGO@MAKERTHON

Kuala Lumpur, 9 Mei 2023 – Sebanyak 20 komuniti Projek Perumahan Rakyat (PPR) telah berjaya dibantu dalam aspek inovasi melalui Program NGO@Makerthon. Program ini dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan & Koperasi (KUSKOP) dan Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi (MOSTI) melalui agensi masing-masing, SME Corp. Malaysia dan Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) dengan sokongan 20 Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Majlis Penutupan Program NGO@Makerthon telah dirasmikan oleh YB Datuk Ewon Benedick, Menteri KUSKOP dan YB Chang Lih Kang, Menteri MOSTI pada hari ini.

Program NGO@Makerthon ini bertujuan memperkasa NGO tempatan dengan pengetahuan mengenai Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi (STIE) dalam membangunkan inovasi penyelesaian masalah komuniti PPR dan membina sistem sokongan berterusan untuk komuniti PPR. Ini bagi memastikan penyelesaian yang lebih cekap dan berkesan dalam meningkatkan produktiviti dan menyelesaikan permasalahan atau cabaran komuniti setempat bertepatan dengan nilai teras Malaysia MADANI, mewujudkan mutu hidup seimbang berasaskan ilmu pengetahuan serta kesejahteraan ekonomi, sosial dan kelestarian alam melalui budaya ilmu iaitu teras Kemampanan dan Kesejahteraan.

Melalui Program NGO@Makerthon, NGO juga dibantu untuk menerapkan penyelesaian inovatif dalam isu sosial utama di kalangan komuniti seperti Sara Hidup, Pembangunan Komuniti, Persekitaran dan Penerapan Teknologi. Sehingga kini, program di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) tersebut berjaya memberi impak kepada 258,000 penerima melibatkan seramai 8,000 penerima manfaat

langsung manakala seramai 250,000 penduduk PPR turut menerima kesan tidak langsung melalui projek yang dilaksanakan.

Dalam ucapannya, YB Datuk Ewon Benedick berkata, "Program NGO@Makerthon berjaya membantu golongan B40 di kalangan komuniti PPR dalam menyelesaikan isu setempat dan membantu dalam penjanaaan pendapatan mereka." Beliau juga mengharapkan mereka yang memulakan perniagaan setelah menyertai program NGO@Makerthon ini agar menjadi usahawan yang berjaya, tidak hanya di dalam PPR sahaja tetapi hingga ke peringkat yang membanggakan.

YB Chang Lih Kang dalam ucapan aluannya pula menyatakan, "Di antara projek yang memberikan impak adalah: "Recycle it Right and Upcycling Glass" oleh NGO, Pertubuhan Generasi Peduli Sampah (GPS) di PPR Taman Rasa Sayang, Negeri Sembilan di mana peserta telah dibimbing mengenai cara memproses kaca yang dihancurkan untuk mencipta inovasi baharu. Peserta yang berjaya telah diberi geran permulaan perniagaan sebanyak RM15,000 untuk melaksanakan inovasi yang telah di rancang sepanjang tempoh program."

Selain inovasi di peringkat akar umbi, di bawah RMKe-11, SME Corp. Malaysia juga telah melaksanakan program bagi meningkatkan pengkomersialan di kalangan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) menerusi Platform Pengkomersialan Teknologi (TCP). Program tersebut menyediakan fasilitasi menyeluruh (end-to-end) bagi meningkatkan pengkomersialan produk dan perkhidmatan PMKS. Program ini telah menghasilkan impak yang memberangsangkan apabila 86 projek berjaya dikomersialkan manakala sejumlah 220 harta intelek berjaya dilesenkan dengan rekod jualan sehingga RM121 juta oleh syarikat yang menerima bantuan. Di antara syarikat tersebut adalah Neuto Dry Hydrogen Therapy yang menyediakan penyelesaian unik dan kos efektif untuk pembersihan enjin kereta menggunakan hidrogen kering. Bantuan yang telah diberikan termasuk fasilitasi prototaip perindustrian, akses pasaran dan pepadanan kepada pengendali kenderaan tempatan dan ASEAN.

Rizal bin Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia berkata, "Di samping sokongan Kerajaan melalui penyediaan dana secara padanan, kesungguhan serta komitmen dari PMKS khususnya bagi memastikan projek disempurnakan merupakan kunci kepada kejayaan projek berkaitan pengkomersialan. Walaupun dengan

kelulusan yang diberikan, PMKS hanya akan disalurkan geran setelah projek disempurnakan. Ini bukan sahaja bagi memastikan hasil (outcome) yang disasarkan dapat dicapai, tetapi juga bagi mengelakkan berlaku ketirisan dalam pengurusan dana Kerajaan”.

Melangkah ke hadapan, inisiatif bersifat inklusif akan diteruskan oleh SME Corp. Malaysia dan YIM melalui pelaksanaan Program Ekosistem Inklusif PKS (I-SEE) di bawah RMKe-12. Objektif Program I-SEE adalah untuk memperkasakan komuniti B40 dengan memanfaatkan teknologi dan inovasi. Menurut Ketua Pegawai Eksekutif YIM, Dr. Sharmila Mohamed Salleh, pada tahun ini Cabaran Inovasi Inklusif PKS 2023 akan dianjurkan di bawah Program I-SEE bagi mewujudkan satu platform strategik yang membolehkan syarikat / pengguna inovasi membentangkan prototaip / idea masing-masing untuk mendapatkan bantuan berkaitan pembangunan dan pengkomersialan produk inovasi tersebut. Sekurang-kurangnya tujuh (7) buah syarikat akan dipilih bagi cabaran tersebut untuk menerima dana keseluruhan yang berjumlah RM 1 juta.

Majlis Penutupan Program NGO@Makerthon pada hari ini turut diserikan dengan aktiviti pameran berkaitan inovasi yang telah dibangunkan oleh 20 NGO terlibat. Turut hadir ialah YBhg. Dato' Sri Suriani binti Dato' Ahmad, Ketua Setiausaha KUSKOP, YBhg. Datuk Ts. Dr. Haji Aminuddin bin Hassim, Ketua Setiausaha MOSTI, Encik Rizal bin Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia, Dr. Sharmila Mohamed Salleh, Ketua Pegawai Eksekutif YIM dan juga Ketua-ketua NGO berkaitan.

– TAMAT –

Tentang SME Corp. Malaysia

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang berperanan sebagai pusat pengumpulan dan rujukan setempat bagi maklumat dan khidmat nasihat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), penyelaras program pembangunan PKS, penilaian ekonomi serta pengakreditasi PKS, pembangunan perniagaan dan program sokongan, dan juga fasilitasi akses PKS kepada pasaran dalam dan luar negara.

Bermula pada 2 Mei 1996, SME Corp. Malaysia dahulunya dikenali sebagai Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC), bermatlamat membangunkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Malaysia yang berkeupayaan dan berdaya tahan agar mampu berdaya saing di pasaran global. Pada tahun 2007, SMIDEC telah diberi mandat oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri untuk menggubal dasar dan strategi menyeluruh bagi PKS dan memacu program PKS merentasi Kementerian dan Agensi. Sehubungan itu, SMIDEC telah dijenamakan semula secara rasmi sebagai SME Corp. Malaysia pada 2 Oktober 2009.

PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA (SME CORP. MALAYSIA)

Aras 6, Blok B, Platinum Sentral

Jalan Stesen Sentral 2

Kuala Lumpur Sentral

50470 Kuala Lumpur

Tel : 1300-30-6000

Faks : 603-2775 6001

E-mel : info@smecorp.gov.my

Laman sesawang: www.smecorp.gov.my

Pengarah

Bahagian Komunikasi Strategik

(U.P. : Pn. Suraini Mohamad Sulaiman)

Tel : 03-2775 6290

Emel : suraini@smecorp.gov.my

Tentang Yayasan Inovasi Malaysia (YIM)

Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) telah ditubuhkan pada tahun 2008 di bawah Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi (MOSTI) sebagai agensi peneraju utama Inovasi Sosial dan Akar Umbi di Malaysia. YIM didaftarkan sebagai syarikat terhad mengikut jaminan di bawah Akta Syarikat 1965 di Malaysia dan diiktiraf sebagai organisasi bukan berasaskan keuntungan. Fungsi utama YIM adalah sebagai platform yang mencari, membangun dan memadankan dana pembangunan inovasi dengan rangkaian lebih 6,000 inovator di seluruh negara bagi menggalakkan dan memupuk pembangunan inovasi akar umbi yang berpotensi untuk dikomersialkan di peringkat tempatan mahupun antarabangsa. Ia dilaksanakan melalui pemerkasaan kreativiti dan inovasi dengan membangunkan minda inovatif yang mengubah idea menjadi realiti serta mewujudkan sistem sokongan mampan yang boleh menghasilkan faedah ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat.

Untuk mengetahui lebih lanjut, layari laman web Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) di www.yim.my

Hubungi:

Yayasan Inovasi Malaysia (YIM)

Allya Muchaerany Mulyono

+60 11-3355 5498

allya@yim.my